

PM mahu keselamatan bioteknologi ditingkat

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu pihak pembuat dasar supaya meningkatkan lagi standard keselamatan bioteknologi di rantau ini bagi menghadapi kesan kemajuan sektor itu yang boleh mengancam keselamatan serta kesihatan awam.

Perdana Menteri berkata, perkara itu perlu kerana tahap kesediaan negara Asia dalam menghadapi kesan kemajuan bioteknologi yang boleh menjadi mengancam keselamatan kesihatan awam dan nasional masih belum cukup kukuh.

“Walaupun pada masa aman, an-

caman keselamatan biologi ini tidak harus dipandang ringan dan pada era perkembangan pesat senjata biologi serta keganasan global, keselamatan dari sudut itu amat penting.

“Kita tidak harus leka dan kita hendaklah sentiasa berwaspada supaya keselamatan kesihatan awam dan nasional sentiasa terjamin.

“Jika kita gagal, kita mungkin terpaksa menanggung kesan yang berat,” katanya berucap merasmikan Persidangan Keselamatan Bio Asia 2007 di sini semalam. Teks ucapan beliau dibacakan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi She-

ikh Ahmad.

Persidangan itu diadakan dua hari bermula semalam dengan dihadiri 400 peserta. Ia diadakan bagi membantu kerajaan dan pihak berkuasa negara serantau menggubal garis panduan dan peraturan berhubung isu keselamatan biologi.

Abdullah berkata, ancaman keselamatan biologi sebenarnya kini diburukkan lagi dengan berkembangnya perdagangan dan industri pengembaraan yang menyebabkan kuman dan virus mudah dibawa merentasi sempadan.

“Ini menyebabkan penyakit berjangkit boleh merebak pada kadar

BH - 22/5/2007

“Ancaman keselamatan biologi ini tidak harus dipandang ringan, keselamatan dari sudut itu amat penting”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

membimbangkan. Di Asia, senario ini, sudah menjadi kebiasaan,” katanya merujuk kepada wabak selsema burung dan Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS), sebelum ini.

Beliau berkata, kerajaan sedang menggubal undang-undang keselamatan biologi bagi mewujudkan satu rangka kerja perundangan yang lebih kukuh bagi menangani isu keselamatan berkaitan sektor terbabit pada masa depan.

Sementara itu, Radzi berkata, rang undang-undang berhubung dengan keselamatan biologi kini menunggu bacaan kali kedua di Dewan Rakyat.